



# kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

# Ketahanan diri elak gejala sosial

Masalah sosial remaja berpunca daripada kepincangan keluarga, kurang didikan agama

## SOALAN

**P**ELBAGAI masalah sosial berlaku di kalangan remaja kini seperti pergaulan bebas dan hedonisme.

Mereka sanggup melakukan apa saja tanpa memikirkan batas budaya dan agama malah paling membimbangkan, masalah hubungan seks luar nikah yang sudah menjadi amalan biasa remaja kini.

Rentetan itu, timbul pula masalah lain seperti bunuh diri, buang bayi dan pelacuran menyebabkan generasi akan datang hilang pedoman serta terus terumbang-ambing.

Mungkin antara faktor berlaku hubungan seks luar nikah adalah kesulitan untuk berk-

ah secara betul dan mengikut prosedur ditetapkan.

Disebabkan terikat dengan prosedur, sesetengah remaja mencari jalan mudah dengan melakukan hubungan seks luar nikah. Apakah langkah terbaik bagi remaja untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan masalah ini?

## JAWAPAN

**S**AYA memahami permasalahan saudara. Ada dua persoalan iaitu permasalahan sosial remaja dan urusan pernikahan yang saudara rasa begitu banyak prosedur.

Prosedur pernikahan yang menyulitkan mengikut saudara adalah antara faktor memungkinkan berlaku hubungan seks

luar nikah. Saya tidak akan menyentuh panjang mengenai urusan pernikahan yang mengikut saudara perlu dipermudahkan.

Di negara ini, peraturan pernikahan yang disyaratkan bertujuan supaya perkahwinan umat Islam dilaksanakan mengikut hukum.

Ia bertujuan membina kesejahteraan pasangan yang akan dan sudah berkahwin nanti manakala peraturan ini amat wajar dihormati.

Bagaimanapun, saya amat menghormati pandangan saudara.

Masalah sosial di kalangan remaja memang berlaku dan menjadi kerisauan umum kerana mereka pewaris bangsa. Amat penting remaja kita

cemerlang.

Seperti kata seorang pujangga, Samuel Johnson, bahawa masa depan itu dibeli oleh masa sekarang. Ramai juga remaja yang cemerlang dalam bidang masing-masing.

Memandangkan mereka pewaris negara, masalah sosial remaja sering menjadi fokus berbanding masalah sosial golongan lain.

Masalah sosial remaja bukan berlaku tanpa sebab.

Faktor berlakunya masalah sosial remaja ada pelbagai dan amat wajar ditangani.

Apatah lagi, remaja berada dalam golongan umur yang memerlukan bimbingan.

Jika tidak ditangani, akan timbul kesan negatif seperti saudara katakan iaitu

membunuh diri, buang bayi dan pelacuran.

Masalah sosial remaja berpunca antara lain daripada kepincangan didikan agama dan keruntuhan didikan moral.

Kegagalan institusi keluarga memainkan peranan sebagai contoh yang baik dan qudwah hasanah (teladan) semakin menyeret remaja jauh daripada kebenaran serta kesedaran.

Remaja perlu disediakan dengan pengukuhan sistem kekeluargaan yang menitikberatkan pengukuhan nilai mumi pada peringkat awal lagi.

Pembangunan nilai berasaskan agama, persediaan memasuki alam remaja dan ketahanan diri menghadapi pergolakan sosial perlu ditanam dalam institusi keluarga.

Sekolah, rakan sebaya, masyarakat dan media massa juga berperanan dalam membina jati diri remaja.

Sama-samalah kita berusaha keras menjadi daun rimbun yang melindungi dan memayungi diri remaja serta membantu mereka mencari arah untuk meniti kejayaan cemerlang pada masa hadapan.

# Lelaki Melayu terpikat gadis Cina

## SOALAN

**S**AYA pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah di ibu kota. Alhamdulillah, hidup saya dilimpahi rezeki dan menjadi antara pelajar yang pandai.

Keluarga saya terdiri daripada orang berada dan sangat rapat dengan saya.

Saya juga mempunyai ramai kenalan rapat.

Selama ini, saya berpegang teguh dengan prinsip tidak mahu bercinta selagi tidak berjaya namun tahun ini perasaan ingin bercinta amat kuat.

Saya tiada halangan untuk bercinta manakala ibu bapa juga membenarkan asalkan tidak melampaui batas namun saya tidak mempunyai keyakinan.

Saya berbadan gempal dan agak sosial tetapi tidak berkeyakinan dalam apa saja hal percintaan serta berpendapat orang seperti saya tidak layak bercinta kerana keadaan fizikal saya.

Walaupun saya lelaki Melayu, saya tidak pernah tertarik dengan mana-mana gadis Melayu tetapi saya sangat tertarik dengan gadis Cina.

Masalahnya, sesetengah pihak tidak terbuka dalam hal ini malah

seorang rakan turut memandang rendah serta melemparkan kata-kata berbaur perkauman.

Apakah saya aneh kerana menyukai gadis berbangsa lain? Apakah harus saya lakukan untuk meningkatkan keyakinan diri memikat gadis? Adakah saya akan dicemuh masyarakat sekiranya satu hari nanti saya berkahwin dengan gadis berbangsa lain?

## JAWAPAN

**S**YUKUR adik dilimpahi rezeki yang murah.

Adik juga seorang pelajar yang pandai, berada dan mempunyai keluarga yang sangat rapat hubungannya.

Sememangnya, pada peringkat umur adik, individu merasakan agar kehadirannya diterima orang yang ada di sekeliling.

Remaja pada peringkat ini juga mula memikirkan diri mereka sebagai bakal teman hidup, ibu bapa dan ahli masyarakat.

Justeru tidak hairan, walaupun adik berpegang teguh dengan prinsip tidak mahu bercinta selagi tidak berjaya, perasaan bercinta adik itu sangat kuat.

Persoalan seterusnya, adik tidak mempunyai keyakinan dalam

bercinta kerana faktor bentuk badan adik yang agak gempal.

Ahli psikologi ada menyatakan, pada peringkat umur adik, pertumbuhan fizikal berlaku begitu cepat.

Akibatnya, kebanyakan remaja bimbang dengan bentuk badan mereka.

Mereka sering mendapati bentuk badan mereka kurang menarik.

Adik memang boleh memikirkan mengenai bentuk badan adik, tetapi terlalu banyak memikirkannya hanya akan membawa fikiran menjadi lebih kusut dan emosi terganggu.

Adik juga berhadapan dengan persoalan amat tertarik dengan gadis berbangsa Cina dan tidak suka rakan yang berfikiran cetek (mengenai berkawan dengan bangsa lain).

Tentu sekali adik mempunyai sebab tersendiri menyukai gadis berbangsa Cina.

Perasaan adik amat perlu dihormati.

Tidak salah berperasaan demikian asalkan tidak melanggar tata susila berkawan.

Memang benar, kita tidak boleh memandang buruk kepada orang dan kaum lain.

Tanpa mengira bangsa, setiap individu perlu menghormati individu lain.

Sebagai rumusan, adik boleh meningkatkan keyakinan untuk memikat gadis dengan memikirkan bentuk badan bukanlah penentu kepada perhubungan yang baik.

Banyak elemen lain seperti sikap mengambil berat dan memahami dapat menarik hati seorang gadis.

Satu lagi yang adik boleh lakukan ialah, fikirkan sekiranya adik cuba memikat gadis, apakah perkara yang paling teruk akan berlaku jika adik tidak berjaya.

Nasihat adik kepada rakan itu supaya perasaan hormat menghormati perlu wujud tanpa mengira bangsa.

Perasaan adik yang menyukai gadis berbangsa lain juga normal.

Ada juga kemungkinan bagi seseorang gadis berbangsa lain untuk menyukai lelaki daripada bangsa lain.

Jika perasaan hormat antara kaum sudah wujud, tentunya masyarakat tidak boleh mencemuh sekiranya adik berkahwin dengan gadis daripada kaum lain.

Cuma, ia perlu dilaksanakan tanpa melanggar syariat agama.